

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 03 MAC 2024
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4

'Pemerkasaan ekonomi tidak hanya penguasaan ekuiti'

'Pemerkasaan ekonomi tidak hanya penguasaan ekuiti'



RAFIIZI (tiga dari kiri) bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi (tiga dari kanan) pada Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 di PICC, Putrajaya semalam.

PUTRAJAYA — Takrifan pemerkasaan bumiputera tidak boleh hanya dilihat menerusi penguasaan ekuiti sahaja sebaliknya menerusi penyertaan, penggunaan dan pemilikan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, beliau melihat Dasar Ekonomi Bumiputera (DEB) itu berjaya kerana ia mengeluarkan bumiputera dari kelompok miskin tegar dan memperkasakan pendidikan.

Beliau berkata, dasar yang di-gerakkan pada 1970-an hingga 2000 itu kini berjaya melahirkan kelompok kelas pertengahan yang teramai di negara ini.

"Kita tidak perlu lihat pemerkasaan Bumiputera dalam soal pemilikan ekuiti sahaja sebaliknya penyertaan, penggunaan

dan pemilikan mereka secara keseluruhan."

"Dalam aspek penguasaan bumiputera, kita lihat pengurusan tertinggi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dikuasai oleh bumiputera," katanya pada Sesi Fireside Chat: Aspirasi Masa Hadapan Bumiputera sempena Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 di sini semalam.

Katanya, syarikat GLC dan syarikat berkaitan pelaburan kerajaan (GLIC) bukan berstatus bumiputera, namun pengurusan utamanya dikuasai profesional bumiputera.

Dalam pada itu, katanya, jika ingin berubah kepada tahap lebih tinggi, golongan bumiputera juga perlu berubah dari penambahan nilai kepada pencipta nilai.

Menurutnya, ketika ini, kelompok menengah bumiputera menjadi penambah nilai kepada GLC menerusi penggunaan di jawatan utama.

"Mereka ini lebih selesa makan gaji dan kekal di tahap itu. Jika nak dibanding dengan bukan bumiputera, mereka tidak akan kekal di situ sebaliknya keluar dan buka syarikat sendiri.

"Ia satu cabaran buat kumpulan menengah bumiputera untuk keluar dari situ (GLC), namun jika ingin menjadi penambah nilai mereka perlu keluar," katanya.

Sementara itu, katanya, bumiputera juga perlu beralih daripada model makan gaji kepada kelas niagawan supaya tahap pemerkasaan dapat ditingkatkan.